

**Persekitaran Sesuai Sedia Peluang Untuk Berjaya Dan Usaha Yang Menguntungkan,
Kata PM
Bernama
11 Oct, 2013
Oleh Nor Baizura Basri**

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Persekitaran yang sesuai penting untuk usahawan menukarkan sesuatu peluang menjadi satu perusahaan yang berjaya dan menguntungkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat.

Beliau menekankan bahawa penciptaan ekosistem di mana idea boleh direalisasikan adalah salah satu prasyarat kejayaan.

"Idea dan peluang tidak boleh bergerak dalam vakum, ia harus dizahirkan dalam persekitaran terbuka dan didorong pasaran yang menerima mereka, memupuk mereka, membolehkan mereka berkembang," kata beliau kepada 4,700 delegasi pada pembukaan Sidang Kemuncak Keusahawanan Global (GES) di sini.

Turut hadir adalah Setiausaha Negara Amerika Syarikat John Kerry.

Najib, yang juga Menteri Kewangan, berkata di seluruh dunia, terdapat pelbagai model untuk mewujudkan persekitaran sedemikian, ada yang bermula secara organik, dan yang lain, sebaliknya.

Selain itu, terdapat dasar tertentu yang boleh dilaksanakan kerajaan dan perniagaan untuk membantu, kata beliau, sambil menambah bahawa mereka harus terlebih dahulu mendefinisikan maksud keusahawanan.

Perdana Menteri juga berkata terdapat kecenderungan untuk menumpukan kepada industri baharu dan bakat muda yang biasanya menerajui dalam keusahawanan dan inovasi.

Ini adalah berikutan masyarakat yang menumpukan perhatian kepada belia dan negara yang sedang melalui satu tempoh perubahan teknologi yang ketara.

Menyebut satu kajian, Najib berkata kira-kira 70 peratus daripada barangan dan perkhidmatan yang digunakan pada tahun 1991 tidak berkaitan dengan apa yang digunakan satu abad lepas.

Tetapi, kini tahun 1991 adalah seperti masa lampau yang berbeza, di mana telefon masih dalam bentuk analog, dan satu laman web pun tidak wujud, katanya, menambah bahawa pada waktu itu telefon pintar, tablet dan aplikasi hanyalah satu mimpi.

Tambahan lagi, ramai di antara usahawan terkenal sekarang -- seperti Larry Page, Sergey Brin dan Mark Zuckerberg -- masih di sekolah tinggi ketika itu, kata beliau.

"Perubahan pada skala ini, pada kadar kelajuan sebegini, membawa pelbagai peluang yang tidak dapat dibayangkan dahulu.

"Tetapi keusahawanan bukan hanya untuk satu industri atau satu kumpulan umur sahaja. Ia lebih luas daripada itu. Ia juga mengenai pengumpulan pengetahuan dan inovasi sepanjang dekad tentang proses penghalusan serta penciptaan semula," kata beliau, menambah bahawa ia semakin berkait dengan sasaran sosial selain komersil.

Turut hadir adalah Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sidang kemuncak dua hari itu, bertema "Memperkasa dan Menghubungkan Usahawan", juga melihat kehadiran pemimpin-pemimpin dari seluruh rantau ini termasuk Timbalan Perdana Menteri Vietnam Hoang Trung Hai, Timbalan Perdana Menteri Laos Somsawat Lengsavad dan Timbalan Perdana Menteri Kemboja Keat Chhon.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=984853>